



11 Mac 2016  
11 March 2016  
P.U. (B) 102

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

ARAHAN KHAS MENTERI

*SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

ARAHAN KHAS MENTERI

BAHAWASANYA:

- (a) suatu siasatan yang berhubungan dengan suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat asing, iaitu suatu kesalahan di bawah artikel 151, 287 atau 289 *Dutch Criminal Code* telah dimulakan di Belanda, suatu Negara asing;
- (b) *Public Prosecution Service of the Kingdom of the Netherlands* telah membuat suatu permintaan bagi bantuan bersama berhubung dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [*Akta 621*];
- (c) tiada perintah di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 telah dibuat berhubung dengan Belanda; dan
- (d) Peguam Negara Malaysia telah mengesyorkan bahawa bantuan bersama diberikan kepada Belanda berhubung dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen 18 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, saya, Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal undang-undang di Malaysia, dengan ini mengarahkan supaya peruntukan Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 terpakai berhubung dengan permintaan bagi bantuan bersama berhubung dengan perkara jenayah itu seolah-olah suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 berkuat kuasa berkenaan dengan Belanda tanpa apa-apa sekatan, had, kecualian, ubah suaian, penyesuaian, syarat atau batasan.

Bertarikh 24 Februari 2016  
[JPN(R) 152/185/29/15-14; PN(PU2)628/VIII]

HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI  
*Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS ACT 2002

SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER

WHEREAS:

- (a) an investigation relating to a criminal matter involving a foreign serious offence, that is an offence under article 151, 287 or 289 of the Dutch Criminal Code has commenced in the Kingdom of the Netherlands, a foreign State;
- (b) the Public Prosecution Service of the Kingdom of the Netherlands has made a request for mutual assistance in relation to that criminal matter under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 [*Act 621*];
- (c) no order under section 17 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 has been made in relation to the Kingdom of the Netherlands; and
- (d) the Attorney General of Malaysia has recommended that mutual assistance be given to the Kingdom of the Netherlands in relation to that criminal matter under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred on me by section 18 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002, I, Hajah Nancy binti Haji Shukri, the Minister responsible for legal affairs in Malaysia, do direct that the provisions of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 be applied in relation to the request for mutual assistance in relation to that criminal matter as if there is in effect in respect of the Kingdom of the Netherlands an order made under section 17 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 without any restriction, limitation, exception, modification, adaptation, condition or qualification.

Dated 24 February 2016  
[JPN(R) 152/185/29/15-14; PN(PU2)628/VIII]

HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI  
*Minister in the Prime Minister's Department*